

ڤٰلِيٰقُنْ تٰيٰتٰه  
PETIKAN TITAH

"PENDEKNYA, dalam usaha dan langkah membangun, kedua-dua negara, kita boleh bergabung tenaga, fikiran dan sumber. Insya-Allah, dengan kerjasama yang sedemikian itu, negara kita akan dapat memperkasa daya tahan dan daya saing ekonomi masing-masing." - Titah sempena Keberangkatan Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Malaysia pada 27 - 30 April 2005 / 18 - 21 Rabiulawal 1426.

*Pelita* ڤٰلِيٰقُنْ تٰيٰتٰه  
**BRUNEI**

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*



ما فیس ایمان  
MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar faedahnya dan kesannya. Dan ingatlah Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Ankabut ayat 45.

# Belia sihat, berpotensi akan terus beri sumbangan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**LHAMDULILLAH Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat pula menghadiri perhimpunan Hari Belia Kebangsaan. Hari Belia Kebangsaan dapat dilihat sebagai tanda pengiktirafan negara terhadap sumbangan masyarakat belia. Oleh itu, beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para belia di atas sumbangan mereka selama ini dalam pelbagai kegiatan sosial dan negara. Beta berharap supaya sumbangan tersebut akan terus ditingkatkan dari masa ke semasa.

Belia yang sihat dan bertanggungjawab akan terus memberi sumbangan dan malah meningkatkan pencapaian prestasi mereka. Inilah yang kita mahukan daripada para belia kita supaya terus aktif dan membanting tulang demi kebaikan.

Dalam wadah pembangunan, para belia itu menjadi komponen terpenting di dalam apa saja usaha bagi kesejahteraan bersama. Para belia perlu menerima hakikat bahawa mereka adalah 'stakeholder' yang dinamik untuk survival bangsa dan negara.

Pada lazimnya, mereka ini adalah golongan pemikir, berdasarkan pendidikan formal dan sempurna ada kepada mereka. Kerana itu tidak diragui lagi yang mereka itu mampu untuk memikirkan 'perkara-perkara besar' yang dihadapi oleh masyarakat.

Namun melalui pendidikan juga orang boleh berkeadaan sebaliknya, kalau pendidikan yang diterima itu tidak digunakan untuk tujuan-tujuan yang membina.

Pendidikan sempurna, tidak boleh tidak, mampu melahirkan belia yang matang, di mana identiti belia matang itu ialah mereka yang sentiasa bergiat untuk kebaikan dan menolak mungkar.

Ini bersesuaian dengan maksud firman Allah dalam Surah Ali 'Imran, ayat 104:

*"Dan hendaklah ada di antara kamu satu golongan yang mengajak kepada kebaikan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang mungkar (keji). Dan adapun mereka yang bersifat demikian itu, ialah orang-orang yang berjaya."*

Golongan yang kita harapkan lebih aktif untuk menggarap kebaikan dan menolak keburukan itu ialah golongan belia. Mereka ini mempunyai potensi serba istimewa, baik dari segi umur, fizikal maupun mental. Jika semua kelebihan-kelebihan ini digunakan dengan

sewajarnya, maka sudah barang tentu masyarakat dan negara akan beruntung.

Dalam pada itu, jangan pula diabaikan pandangan orang cerdik pandai, bahawa sekalipun para belia itu sedia memiliki kebolehan-kebolehan luar biasa, seperti kebolehan berfikir dan mencipta, namun belum tentu mereka juga mempunyai kebolehan menilai dalam segala perkara. Sama halnya, mereka memiliki kebolehan melaksana, tetapi belum tentu mempunyai kebolehan menasihat.

Ini perlu diambil ingatan oleh semua pihak, supaya sama-sama di dalam muafakat dan sama-sama berganding bahu antara golongan belia dan golongan yang lebih kaya dengan pengalaman.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Belia Kebangsaan pada hari Rabu 17 Rejab 1428 / 1 Ogos 2007 bertempat di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Jika wujud sikap yang seumpama ini, maka semua kita akan merasa terhormat dan tidak akan ada lagi satu individu pun yang menganggap diri mereka tidak dihargai.

Itulah pendekatan terbaik. Kita labelkan golongan belia sebagai golongan progresif dan aktif, di samping dalam pada itu, ada pula golongan lain yang tidak diremehkan peranan mereka.

Beta berharap, Negara Brunei Darussalam akan lebih gemilang dan berjaya dengan pendekatan yang indah ini. Hidup dan majulah belia dan maju kita semua.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## TINJAUAN

**Tiga wanita penerima Anugerah Hari Belia****CEBURI SUKARELAWAN  
ATAS RASA KEIKHLASAN****Oleh :**

**Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor**  
fatimah.noor@information.gov.bn

**Norliah Md. Zain****Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**DATIN Hajah Edah binti Haji Mohd. Noor**, "Kerja-kerja sukarelawan ini akan terus diperjuangkan sehingga yang termampu."

**DATIN Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali**, "Mengimbau masyarakat dan para belia turut bersama memerangi dadah."

**DAYANG Hajah Apsah binti Haji Abdul Halim**, "Kerja-kerja sukarelawan memerlukan keikhlasan tanpa mengharapkan ganjaran atau imbalan balik."

ngumpulkan isteri-isteri kepada ketua jabatan-jabatan yang mana pada masa itu belum lagi mempunyai persatuan. Perkumpulan tersebut hanyalah untuk mengetahui persediaan sebelum negara kita mencapai kemerdekaan, di mana perkumpulan tersebut adalah pendedahan para wanita untuk mengetahui apa pekerjaan suami-suami mereka, persediaan para wanita sekiranya suami mereka naik pangkat kerana pada masa itu para wanita belum banyak yang mempunyai kerjaya dan berkelulusan tinggi. Manakala dalam Majlis Wanita, beliau adalah salah seorang daripada pengasas bersama Datuk Paduka Dayang Hajah Jusnani, Datuk Paduka Hajah Zaharah dan Datuk Hajah Masni. Pada masa itu saya menjadi Timbalan Yang Dipertua kemudian selang beberapa tahun saya dilantik menjadi Yang Dipertua iaitu tahun 1995 selama lima tahun.

Atas kesedaran tentang bahayanya HIV/AIDS tumbuh lagi satu persatuan yang beliau tubuhkan iaitu Majlis AIDS Brunei (Brunei AIDS Council) yang melibatkan belia-belia remaja untuk menyebarkan maklumat tentang bahayanya penyakit AIDS.

Ini kerana majlis ini sedar bahawa remaja adalah aset negara dan mereka perlu tahu tentang AIDS. Kami juga menubuhkan Kelab Penyinar yang terdiri daripada para pelajar sekolah-sekolah termasuk institusi tinggi. Kelab Penyinar ini adalah di bawah Majlis AIDS, yang kebanyakannya ahli-ahlinya terdiri mereka yang berumur 14 hingga 26 tahun.

Menurut Datuk Hajah Edah, salah satu pencapaian yang diperolehi ialah menerima Anugerah Perak dan wang tunai sebanyak 1,000 pound dari Rancangan Belia Commonwealth (CYP) kerana berjaya mempertandingkan

satu program dan mendapat pengiktirafan daripada CYP dalam 'Commonwealth Youth Ambassador.'

"Sebenarnya saya tidak menyangka akan memperolehi anugerah seperti ini kerana apa yang telah saya buat adalah sumbangan peribadi dengan ikhlas dan selama ini saya sememangnya suka membuat kerja sukarela terhadap masyarakat dan berharap lebih banyak lagi persatuan-persatuan yang bergiat di dalam kerjakerja amal terutamanya belia dan remaja," tegasnya.

**SUMBANGAN**

Bagi Datuk Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali berkata mengenai peranan badan-badan sukarelawan dalam memerangi penyalahgunaan dadah,

aktiviti yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah supaya menjemput persatuan-persatuan sukarelawan.

Beliau memegang jawatan Yang Dipertua Persatuan Membasmi Dadah (BASMIDA). Di bawah kepimpinannya dan kerjasama padu ahli-ahli, persatuan ini dapat menyelaras beberapa kegiatan seperti sesi kaunseling dan motivasi beberapa bekas penagih dadah dan menganjurkan program-program pencegahan dan pemuliharan penyalahgunaan dadah.

Dayang Hajah Hafsa binti Haji Abdul Halim, penerima Anugerah Khidmat Belia adalah pemimpin yang aktif dalam pergerakan belia, khususnya Persatuan Pandu Puteri di negara ini dan memegang sebagai Ketua Persuruhjaya Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam.

Beliau sentiasa memberikan sumbangan bantuan dan kerjasama dalam menjayakan kegiatan-kegiatan belia yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Beliau juga penyelaras Tabung Bencana Alam dan Perikemanusiaan yang dikendalikan oleh persatuan ini, di samping banyak menyertai program-program Pandu Puteri peringkat serantau dan antarabangsa.

Di samping itu, penulis juga menemui wakil persatuan yang menerima Anugerah Persatuan Berjasa iaitu Persatuan BASMIDA iaitu Dayang Linda Aini binti Abdullah, Dayang Hajah Ramlah, dan Hajah Mordiah binti Haji Jackia berkata, "Apa yang kami buat pada masa

Saranan mereka secara peribada kepada masyarakat ialah jika kita ingin melakukan sesuatu, jangan sekali mengharapkan ganjarannya tetapi buatlah secara ikhlas.

Sementara itu bagi wakil penerima Anugerah Persatuan Cemerlang iaitu Persatuan PERTIWI Negara Brunei Darussalam ialah Datuk Paduka Dayang Hajah Zaharah binti Haji Idris, Datuk Paduka Dayang Hajah Jusnani binti Haji Lawie dan Datuk Zaharah binti Haji Sulong berpendapat menyeru agar wanita-wanita di negara ini sama-sama tampil untuk menyertai sukarelawan bagi sama-sama berbaik kepada masyarakat, bangsa dan negara dengan niat kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Penganugerahan PERTIWI adalah berdasarkan kepada kemajuan bidang meningkatkan perekonomian kaum wanita di negara ini dan ditubuhkan pada tahun 1968.



**WAKIL-WAKIL** penerima Persatuan PERTIWI yang dinobatkan sebagai Anugerah Persatuan Cemerlang, terdiri dari kiri, Datuk Paduka Dayang Hajah Jusnani, Datuk Paduka Dayang Hajah Zaharah dan Datuk Hajah Zaharah. Persatuan PERTIWI merupakan persatuan aktif dalam bidang perekonomian dan kegiatan kebeliaan, kemasayarakatan ditubuhkan pada tahun 1968.



**PERSATUAN BASMIDA** juga dipilih sebagai penerima Persatuan Belia Cemerlang kerana aktif dalam bersama-sama berperanan bagi pencegahan dan pemuliharan penyalahgunaan dadah. Wakil-wakil penerima ialah Dayang Hajah Mordiah, Dayang Linda Aini dan Dayang Hajah Ramlah.

**DALAM melaksanakan tugas-tugas sukarelawan, para sukarelawan hendaklah melakukan pekerjaan yang diberikan itu dengan sebaik mungkin, walaupun semua itu hanya kerja sukarelawan sahaja seperti menurut sebuah firman Allah yang tafsirannya: "Sesiapa yang beramal soleh dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan membalsas mereka akan pahala mereka, dengan balasan yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan."**